

FUNGSI UPACARA MIRING DALAM PROSES PEMULIHARAAN KUBU DI WILAYAH TENGAH SARAWAK

THE FUNCTION OF MIRING AS PART OF THE FORT CONSERVATION PROCESS IN CENTRAL SARAWAK.

Daniel Ugih Echoh¹, Salfarina Abdul Gapor² dan Haris Fadzilah Abdul Rahman³

^{1, 2 & 3}Centre for Borneo Regionalism and Conservation,
University College of Technology Sarawak, Sibu.

Correspondence: Daniel Ugih Echoh (dr.danielugih@ucts.edu.my)

ABSTRACT

“Miring” ceremony plays an important role for the Iban’s community. Most previous researches and discussions focus on miring ceremonies but the discussion of the ceremony in the context of historical building preservation are extremely rare. Most researchers focus on the “miring” ceremonies held during the annual festivals, paddy cultivation, early phase of house construction and any activities that are considered need to be carried out the ceremony by the practitioner’s group. The purpose of this paper is to discuss the function of the miring ceremony in the process of preserving Fort Brooke in Julau and Fort Emma in Kanowit, Sarawak. The “miring” ceremony was held before the conservation work in the area began. This study utilises qualitative research methods using participatory observation techniques and in-depth interview. The informant was an experienced “miring” leader who conducted the ceremony and experts of Iban’s tradition. Observations were made during the ceremony holds at the study site. The process of data analysis has been done using the content analysis techniques based on the transcriptions from the interviews conducted. Observations were made during the “miring” ceremony at the study site. The purpose of the observation was to see the process of miring ceremony. The findings show that the miring ceremony played an important role to make sure the process of preservation of both forts can be completed as planned and as well as to respect the sensitivity of the Iban community living near the fort.

Keywords: Conservation, Heritage, Historical building, Iban, Miring, Sarawak

ABSTRAK

Upacara miring memainkan peranan yang penting dalam kehidupan komuniti Iban. Banyak kajian dan perbincangan mengenai upacara miring telah dilakukan, namun, upacara miring dalam konteks pemuliharaan bangunan bersejarah jarang diberi perhatian. Kebanyakan pengkaji memberikan tumpuan kepada upacara miring yang dilakukan semasa menyambut perayaan, aktiviti penanaman padi, pembinaan bangunan, infrastruktur serta aktiviti-aktiviti yang dirasakan memerlukan upacara miring dilakukan oleh komuniti pengamal. Oleh itu, objektif kertas kerja ini bertujuan membincangkan fungsi upacara miring dalam proses pemuliharaan kubu di Wilayah Tengah Sarawak, iaitu Kubu Emma di Daerah Kanowit dan Kubu Brooke di Daerah Julau. Upacara miring dilakukan sebelum kerja-kerja pemuliharaan di kawasan tersebut bermula. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif menggunakan teknik pemerhatian turut serta dan temubual mendalam. Informan merupakan individu berpengalaman yang mengendalikan upacara miring tersebut dan pakar adat istiadat komuniti Iban. Pemerhatian pula dilakukan semasa upacara miring tersebut dilakukan di tapak kajian. Proses analisis data dilakukan menggunakan teknik analisis kandungan daripada temubual yang telah dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan upacara miring berperanan penting untuk memastikan kelancaran kerja-kerja pemuliharaan dua buah kubu tersebut selain menjaga sensitiviti komuniti Iban yang tinggal berdekatan dengan kubu tersebut.

Kata kunci: bangunan bersejarah, Iban, miring, pemuliharaan, Sarawak, warisan,

Pengenalan

Komuniti Iban merupakan penduduk peribumi yang paling ramai di Sarawak sehingga tahun 2019 iaitu 821, 600 orang dan diikuti oleh komuniti Melayu (660, 500 orang), Cina (634, 800 orang) dan diikuti oleh pelbagai komuniti Bumiputera Sarawak yang lain (Unit Perancangan Negeri Sarawak, 2019). Sebelum memeluk agama Kristian, ramai komuniti Iban yang mengamalkan kepercayaan tradisional serta mengadakan pelbagai upacara ritual dan keagamaan (Melling, 1988). Kepercayaan ini berasal daripada Raja Durong (Sandin, 1964) sehingga melahirkan kepercayaan kepada *petara* (Tuhan) mereka, kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, fenomena alam dan

sebagainya. Menurut Melling (1988) komuniti Iban menyembah dan memuja *petara* melalui upacara *miring* atau *bedara* (persesembahan korban), *pengap* (zikir) dan *timang* (invokasi). Kepercayaan berhubung nasib baik dan buruk sesuatu perkara wujud hasil daripada pengadaptasian komuniti Iban terhadap alam semula jadi dan hubungan mereka dengan alam (Chemaline, 2008). Segala kepercayaan, pantang larang dan adat dan hubungan dengan alam semula jadi serta rasa hormat terhadap roh orang yang telah meninggal menyebabkan amalan *miring* masih relevan dalam kehidupan komuniti Iban seperti dalam kerja-kerja pemuliharaan. Sejak kerajaan menunjukkan kesungguhan memulihara khazanah dan warisan seperti tengkorak, bangunan lama dan peninggalan yang berkaitan dengan sejarah di negeri Sarawak, upacara *miring* dalam kerja-kerja pemuliharaan di Sarawak semakin kerap dilakukan. Pendekatan ini menunjukkan kerajaan, kontraktor dan pihak yang terbabit dalam kerja-kerja pemuliharaan menunjukkan penghormatan mereka terhadap adat resam dan budaya komuniti tempatan di Sarawak. Dalam konteks pemuliharaan bangunan lama dan bersejarah, upacara *miring* sangat penting dilakukan sebelum kerja-kerja pemuliharaan bermula. Hal ini demikian kerana komuniti Iban yang masih mengamalkan kepercayaan tradisional percaya terhadap kepentingan menghormati roh-roh atau penunggu yang mendiami bangunan tersebut. *Miring* juga perlu dilakukan sebagai satu penghormatan pihak luar yang menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan terhadap komuniti setempat yang tinggal berdekatan atau secara tidak langsung mempunyai hubungan dengan bangunan tersebut. Upacara *miring* biasanya dilakukan untuk menghormati *petara*, roh dan nenek moyang yang telah meninggal. Selain itu, *miring* juga bertujuan untuk menyampaikan hajat supaya memperoleh kejayaan dalam bidang-bidang yang diceburi. Apabila seseorang berdepan dengan pelbagai masalah dalam kehidupan mereka terpaksa melakukan upacara *miring* untuk memohon petunjuk daripada *petara*. Namun begitu, sekiranya upacara *miring* tidak dilakukan mengikut prosedur yang betul, upacara tersebut boleh mendatangkan kesan buruk kepada mereka yang terlibat dalam upacara tersebut. Perbincangan di bahagian ini secara keseluruhannya fokus kepada sejarah komuniti Iban dan upacara *miring* yang diamalkan. Pemahaman mengenai sejarah perkembangan upacara *miring* sangat penting untuk memahami peranan upacara tersebut dilakukan sebelum pemuliharaan kubu dilakukan.

Sorotan Literatur

Di Malaysia, kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah telah giat dijalankan sejak sekitar tahun 1990an. Bangunan bersejarah merujuk kepada bangunan yang bertahan sehingga 100 tahun (Feilden, 2000). Malaysia mempunyai sekitar 35,000 buah bangunan bersejarah seperti sekolah, hotel, pejabat, kubu, rumah ibadat dan semuanya perlu dipelihara (Syed Zainol, 1995). Pemuliharaan bermaksud memulihara atau mengekalkan budaya dan aset warisan asli serta memelihara bahan bersejarah sesebuah komuniti kerana kebanyakannya tidak dipulihara dengan baik (A. Ghafar, 2009). Pemuliharaan bukan hanya tertumpu kepada kerja-kerja penjagaan bangunan malah termasuk usaha menjaga kualiti bangunan tersebut (Syed Zainol, 1995). Kebanyakan bangunan bersejarah terletak dalam kawasan petempatan sesebuah komuniti dan kerjasama daripada komuniti setempat dengan pihak yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan tersebut sangat penting. Justeru, Mcdonald (2001) berpendapat kesedaran untuk memulihara bangunan bersejarah merupakan tanggungjawab semua pihak dan bukannya meletakkan kerja-kerja tersebut pada bahu pihak kerajaan semata-mata. Sementara itu, Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menetapkan bahawa bangunan bersejarah yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun boleh diwartakan sebagai bangunan bersejarah, perlu dipulihara, dijaga dan diberi perlindungan (JWN, 2008). Kebanyakan bangunan bersejarah terletak di kawasan petempatan komuniti dan penglibatan komuniti sangat penting dalam pemuliharaan bangunan bersejarah. Penglibatan komuniti tempatan sangat penting dalam pemuliharaan bangunan bersejarah yang dirancang untuk membawa manfaat kepada komuniti setempat, budaya tempatan dan sebagainya (Steck, 1999). Dalam pada itu, kerja-kerja pemuliharaan bangunan hendaklah mengutamakan hak komuniti tempatan daripada berdepan dengan masalah kemusnahan alam sekitar, ekonomi dan hakisan budaya (Bien, 2006). Oleh itu, masyarakat setempat harus mendapat faedah dan peranan mereka dalam pemuliharaan tidak terpinggirkan. Kepesatan pertumbuhan dalam industri pelancongan menyebabkan kepentingan perlindungan warisan dan kelestarian telah menjadi keutamanan pelbagai pihak (Timothy and Boyd, 2003). Walaubagaimana pun, keseimbangan antara pemuliharaan, pelancongan dan kesejahteraan komuniti tempatan menjadi satu cabaran besar dalam dunia yang berorientasikan ekonomi (Bjeljac *et al.*, 2013).

Dari satu aspek, pihak luar yang menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan tersebut seperti kontraktor, Jabatan Kerja Raya dan pihak muzium perlu menghormati adat resam dan budaya komuniti yang tinggal di kawasan bangunan tersebut sebelum kerja-kerja di tapak bermula. Perbincangan mengenai pantang larang, adat dan peraturan di kawasan komuniti tersebut perlu dilakukan terlebih dahulu. Konsep pemuliharaan berpenyertaan atau pemuliharaan berkolaboratif seumpama ini melibatkan penyertaan komuniti setempat dalam proses pemuliharaan sama ada dari segi konteks budaya, alam sekitar dan ekonomi penyertaan aktif daripada orang awam (Spiridon, 2013). Pemuliharaan berpernyetaan ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti menyampaikan maklumat, mendengar, memahami, menasihat, penyertaan, pemerkasaan, dialog dengan komuniti dan sebagainya. Proses pemuliharaan seumpama ini bertujuan mencapai kelestarian, ekuiti ekonomi, tipologi sosial, keadilan dan pemeliharaan integriti budaya (Brown, 1999). Pendekatan ini turut diamalkan dalam pemuliharaan kubu di Sarawak di mana Jabatan Muzium Sarawak turut melaksanakan bengkel yang bertajuk “Bengkel Program Penglibatan Masyarakat: Pemuliharaan dan Menaiktaraf Kubu Emma di Kanowit” pada bulan Jun 2016. Dalam konteks pemuliharaan bangunan bersejarah yang melibatkan warisan komuniti Iban di Sarawak, upacara *miring* merupakan aktiviti wajib yang dijalankan sebelum kerja-kerja berkaitan bangunan tersebut dilakukan. Begitu juga dengan proses pemindahan barang bersejarah seperti pemindahan 25 tengkorak pahlawan perang daripada galeri rumah panjang di Muzium Etnologi Sarawak ke tempat yang baharu pada tahun 2017. Upacara “Miring Antu Pala” adalah upacara ritual kepada *petara*, roh dan nenek moyang untuk mendapatkan kedamaian di antara dunia roh dan dunia (Utusan Borneo, 2017). Perkara yang sama juga dilakukan sebelum memindahkan sebanyak 23 tengkorak ke tempat penyimpanan sementara di Muzium Sarawak. Usaha memulihara bangunan lama seperti kubu telah menjadi fokus pelbagai jabatan kerajaan seperti Jabatan Muzium dan institusi pengajian tinggi. Kerajaan menyedari usaha untuk mengekalkan khazanah untuk generasi muda selaras dengan usaha pihak pertubuhan dunia seperti Organisasi Pendidikan, Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan (UNESCO) untuk memulihara bangunan-bangunan bersejarah. Pemuliharaan kubu sangat penting kerana mempunyai nilai khazanah yang tinggi kerana warisan seperti Kubu Brooke dan Kubu Emma boleh dijadikan sebagai komponen utama dalam industri pelancongan (Er Ah et al. 2014). Kelebihan ini akan meningkatkan pendapatan komuniti Iban yang tinggal berdekatan dengan kubu tersebut di mana kewujudan pelancong akan menyediakan pelbagai peluang menjana pendapatan melalui

perkhidmatan sebagai pemandu pelancong, pemandu kereta sewa, menjual produk tempatan dan sebagainya.


Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui teknik temubual mendalam dan pemerhatian turut serta. Temubual mendalam dilakukan terhadap responden iaitu *lemambah* atau orang yang mengetuai upacara *miring* sebelum kerja-kerja pemuliharaan Kubu Brooke dan Kubu Emma dijalankan. Tujuan *lemambah* dipilih sebagai responden kerana mempunyai kepakaran dan pengalaman mengenai upacara *miring*. Pengumpulan data menggunakan teknik pemerhatian turut serta juga dilakukan daripada peringkat awal sehingga upacara *miring* tamat. Pemerhatian ini bertujuan melihat proses upacara *miring* dilakukan. Data melalui pemerhatian turut diperoleh menggunakan kaedah mengambil gambar semasa upacara *miring* tersebut dijalankan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah temubual menggunakan telefon untuk mendapatkan data daripada adat dan budaya komuniti Iban daripada Majlis Adat Istiadat Sarawak. Perkara yang ditemubual adalah mengenai pandangan mereka berhubung peranan upacara *miring* yang dijalankan sebelum kerja-kerja pemuliharaan kubu bermula. Ini bertujuan untuk mengukuhkan data mengenai fungsi *miring* dalam aktiviti ini memandangkan upacara *miring* dalam konteks pemuliharaan bangunan bersejarah jarang dilakukan. Berdasarkan temubual dengan pakar tersebut, upacara *miring* sangat penting dilakukan sebelum kerja-kerja pemuliharaan kubu bermula supaya proses pemuliharaan kubu dapat dilakukan tanpa sebarang gangguan.

Kawasan Kajian

Kajian ini bertempat di kawasan Kubu Brooke dan Kubu Emma yang masing-masing terletak di Daerah Julau dan Daerah Kanowit seperti Rajah 1. Menurut Runciman (1960), kubu Brooke yang pertama dibina di Sibu pada tahun 1862 manakala Kubu Brooke yang pertama seperti Rajah 2 dan Rajah 3 di Meluan dibina pada tahun 1935 (Sarawak, 1935). Kerja-kerja pemilihan tapak untuk pembinaan kubu tersebut bermula pada bulan Ogos 1935 dan pembinaannya bermula pada bulan September. Dari segi bahan binaan, kubu tersebut dibina menggunakan kayu belian atau dikenali sebagai *Eusideroxylon zwageri*. Pada tahun 1954, bangunan kubu tersebut digunakan sebagai pejabat Majlis Daerah Julau, Balai Polis dan Jabatan Pendidikan. Selain itu, kubu tersebut turut dijadikan sebagai sekolah dari tahun 1961 hingga 1981 sebelum dibiarkan terbiar. Kerja-kerja membaikbulih telah

dilakukan sekitar tahun 2006 hingga 2009 termasuk membaiki jalan berturap menuju ke kawasan kubu tersebut. Usaha ini diteruskan pada tahun 2012 menggunakan dana daripada Kementerian Pelancongan melalui Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Projek yang dipantau oleh Majlis Daerah Meradong Julau pada bulan Mac 2012 ini telah siap pada bulan October 2012.



Sumber: <https://www.google.com/maps/@2.8413164,111.7834522,8.25z>

Rajah 1: Kedudukan Daerah Julau & Daerah Kanowit



Sumber: Borneo Post, 2012

Rajah 2: Kubu Brooke Semasa Dibaikpulih Pada Tahun 2012



Sumber: Kajian Lapangan, 2018

Rajah 3: Pemandangan dari luar Kubu Brooke Selepas Dibersihkan

Manakala Kubu Emma seperti Rajah 4 dan 5 pula dibina pada tahun 1851 bertujuan untuk mempertahankan diri daripada serangan orang Iban dari Ulu Rejang dan orang Rajang-Melanau. Dari tenaga kerja dan bahan binaan, kubu tersebut dibina oleh orang-orang Iban dan Rajang-Melanau menggunakan buluh dan ditukar kemudiannya ditukar menggunakan kayu

belian. Mereka yang terlibat dalam pembinaan kubu tersebut telah diupah dengan bekalan makanan seperti beras, garam dan tembakau. Kubu Emma juga memainkan peranan penting dalam pentadbiran Daerah Kanowit dimana bangunan tersebut turut digunakan sebagai kediaman pegawai daerah, kenamaan termasuk pemerintah Rajah apabila berkunjung ke Daerah Kanowit ketika itu. Dana bagi projek pemuliharaan dan menaiktaraf Kubu Emma disalurkan melalui projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos sekitar lima juta ringgit (Utusan Borneo, 2019).



Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Rajah 4: Kubu Emma



Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Rajah 5: Kubu Emma Semasa Dibaikpulih

Dapatan Kajian

Upacara *miring* seperti Rajah 6 dan 7 merupakan fasa pertama paling penting dilakukan sebelum kerja-kerja pemuliharaan kedua-dua buah kubu bermula. Dari segi lokasi, upacara miring dilakukan di depan pintu masuk ke dalam Kubu Brooke dan di dalam Kubu Emma. Mengikut kelaziman, orang yang mengetuai upacara *miring* adalah *lemambah* atau orang yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan mendalam mengendalikan upacara *miring* terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti yang memerlukan upacara *miring* dilakukan seperti pemuliharaan bangunan bersejarah. Peralatan untuk *miring* disediakan oleh kaum wanita yang berpengalaman manakala kaum lelaki menyediakan peralatan yang diluar kemampuan wanita seperti menyediakan babi dan ayam hidup untuk disembelih semasa upacara *miring* dijalankan. Antara bahan yang digunakan untuk menyediakan *piring* adalah nasi, rokok nipah, tembakau, telur masak, sirih, buah pinang, tuak, ayam dan sebagainya. Namun begitu, bahan yang digunakan untuk menyediakan *piring* selalunya berbeza mengikut daerah dan aktiviti yang memerlukan upacara *miring* tersebut dilakukan. Bagi memastikan upacara *miring* berjalan dengan lancar, *lemambah* telah melantik dua orang pembantu yang membantu beliau semasa upacara *miring* dijalankan. Sebelum upacara *miring* bermula, semua tangan pembantu *lemambah* yang terlibat dengan upacara *miring* akan disapu menggunakan bulu ayam yang telah dicelup dengan darah ayam dalam kuantiti yang sedikit. *Lemambah* akan mengetuai aktiviti mengagihkan bahan-bahan *piring* ke dalam pinggan yang telah disediakan. Mereka yang terlibat dengan upacara ini dikehendaki meminum air tuak yang telah ditapai menggunakan nasi pulut dan ragi dan membuang baki air tersebut ke dalam beberapa gelas, *piring* dan tanah sebagai *pedara* atau penghormatan kepada petara dan roh-roh untuk memulakan upacara *miring*. Upacara *miring* diakhiri dengan tindakan *lemambah* berdiri untuk *bebiau* iaitu satu proses terakhir semasa *miring* yang bertujuan *bersampi* atau berdoa untuk aktiviti yang diadakan supaya berjalan dengan lancar dan selamat. Misalnya, dalam doa tersebut, *lemambah* akan memohon bantuan *petara*, roh nenek moyang yang telah meninggal dan roh orang yang pernah mendiami kubu tersebut supaya mengizinkan kerja-kerja pemuliharaan kubu dijalankan dengan selamat dan berjaya mengikut objektif yang telah ditetapkan. Diakhir upacara, ayam dan babi yang telah dimasukkan ke dalam guni akan disembelih oleh tetamu yang paling dihormati dan selalunya terdiri daripada wakil jabatan kerajaan dan swasta yang bukan beragama Islam.



Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Rajah 6: Upacara *Miring* di Kubu Brooke di Julau



Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Rajah 7: Upacara *Miring* di Kubu Emma di Kanowit.

Dengan adanya upacara *miring*, *lemambang* dapat memohon kebenaran untuk pihak yang bertanggungjawab seperti kontraktor memulakan kerja-kerja pemuliharaan di kubu tersebut daripada roh atau penunggu yang mendiami kubu tersebut. Ini membolehkan kerja-kerja pemuliharaan dapat dilakukan dengan lancar tanpa sebarang gangguan sekaligus dapat

menghindari perkara yang tidak diingini berlaku seperti kemalangan di tempat kerja, bangunan runtuh, kerja-kerja tapak sering berdepan dengan masalah dan pelbagai perkara buruk yang lain. Dalam kalangan komuniti Iban yang masih percaya kepada kepentingan *miring* dan sayang kepada budaya serta adat resam tersebut, *miring* sangat penting untuk menghormati kuasa dan roh orang yang pernah tinggal di kubu tersebut. Bagi komuniti Iban, mana-mana aktiviti “besar” yang membawa makna penting dan jarang dilakukan seperti melakukan kerja-kerja untuk memulihara kubu lama dengan tindakan “menyentuh” bangunan dan mengganggu kawasan sekitar, upacara *miring* dilakukan terlebih dahulu supaya kerja yang dijalankan tidak *jelungan* atau bermaksud tidak gagal kerana semangat atau roh nenek moyang yang telah meninggal dipanggil semasa upacara *miring* dilakukan. Upacara *miring* penting untuk memohon bantuan daripada moyang-moyang yang telah meninggal serta mendapatkan perlindungan untuk mereka yang melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan kubu tersebut supaya selamat dan sihat. Seorang pakar mengenai upacara tersebut menjelaskan bahawa *piring* yang digunakan semasa upacara *miring* tersebut dikenali sebagai *Piring Nyukul* atau *Piring Ampun*. Tujuan *piring* ini digunakan adalah untuk memohon ampun atau maaf daripada orang yang berkuasa iaitu roh-roh yang telah mendiami atau menggunakan kubu tersebut supaya kerja-kerja pemuliharaan dapat berjalan dengan lancar atau tidak *jelungan*. Ini menunjukkan roh tersebut merasakan mereka dihormati kerana dijemput datang ke upacara tersebut. Berikut merupakan petikan daripada seorang pakar budaya dan adat Iban mengenai upacara *miring*.

“...Enti sida nya enda dikanga enggau pengawa tau kudi bebali, pekara ti enda manah tau nyadi laban lebuh pengawa nya nadai ngemata nadai nyaga nya alai antu sitan ngasuh pengawa jelungan. Ambika banding enti maya orang nubai, enti piring antu rua antu rangka enda diberi dulu ai tubai tau enda bisa lalu ikan enda mati tauka orang ti enggau nubai tau bebad, nya pengawa ti dikumbai jelungan...”

Menurut petikan tersebut,

“...sekiranya roh-roh moyang tersebut tidak diajak untuk menyertai aktiviti tersebut, bencana seperti ribut petir boleh berlaku, perkara yang tidak baik boleh berlaku semasa kerja-kerja tersebut tiada orang memantau, tiada orang menjaga, sebab itulah hantu syaitan menyebabkan kerja-kerja yang dijalankan berdepan banyak masalah atau gagal. Sebagai contoh, semasa orang menuba di sungai, sekiranya *piring* (bahan-bahan yang telah dicampur untuk *miring*), kalau *piring* hantu pembazir, hantu kedekut tidak

disediakan/diberi terlebih dahulu, air tuba boleh menjadi tidak berbisa/mujarab dan menyebabkan ikan tidak mati atau orang yang menua berisiko berdepangan dengan kemalangan, inilah yang dikatakan contoh *jelungan...*"

Menurut pakar tersebut, upacara *miring* tersebut perlu menggunakan ayam sebanyak dua ekor dan seekor babi. Ini kerana kerja-kerja memulihara bangunan tersebut oleh kontraktor merupakan aktiviti besar di mana bangunan tersebut disentuh untuk membaiki dan memulihara bahagian yang perlu. Penyembelihan babi dijadikan sebagai simbolik penghormatan mereka yang terbabit dengan kerja-kerja pemuliharaan kubu terhadap roh-roh yang pernah mendiami kedua-dua buah kubu.

Kesimpulan

Perbincangan daripada dapatan kajian menunjukkan upacara *miring* merupakan satu bentuk keunikan budaya dan adat resam dalam kalangan komuniti Iban di Sarawak untuk memberkati, melindungi dan membawa kebahagian mereka yang mengamalkannya. Kerja-kerja yang melibatkan alam bina memerlukan pertimbangan mengenai budaya komuniti setempat dan ini merupakan satu bentuk usaha berterusan untuk memahami dan menghormati budaya setempat dalam konteks pemuliharaan bangunan bersejarah. Sikap saling memahami budaya dan adat resam komuniti tempatan antara pihak universiti, jabatan kerajaan serta pihak yang terlibat dengan kerja-kerja pemuliharaan kubu tersebut sangat penting untuk mewujudkan kerjasama dalam proses pemuliharan bangunan bersejarah dan pelbagai bentuk aktiviti pemuliharaan warisan tempatan pada masa yang akan datang. Penghormatan dari segi budaya dan adat resam komuniti Iban oleh pihak luar yang terlibat dengan pemuliharaan kedua-dua kubu di wilayah tengah ini secara tidak langsung dapat memelihara kelestarian budaya komuniti yang tinggal berdekatan dengan kedua-dua buah kubu. Hubungan yang baik ini akan meyakinkan komuniti tempatan terhadap kesungguhan pihak-pihak terlibat dalam usaha memulihara bangunan bersejarah dan warisan tempatan di kawasan mereka.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada UCTS untuk membiayai penyelidikan ini. Data untuk kertas ini dikumpulkan di bawah Geran Penyelidikan UCTS.

Rujukan

Artikel Jurnal

- Bjeljac, Z., Pantić, M. & Filipović, M. (2013). The Role of Event Tourism Strategy of Serbia in Strategic Planning. *SPATIUM International Review*, 30, pp.54-60.
- McDonald, H. (2011). Understanding the antecedents to public interest and engagement with heritage. *European Journal of Marketing*, 45(5), 780-804.

Buku

- A. Ghafar Ahmad (2009). Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings. Bengkel Bersiri 2009 Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Lepaan Kapur, 17-19hb. Julai 2009, Perak. Dewan Pusat Pelancongan Negeri Perak, Ipoh.
- Blaikie, N. (2000) Designing Social Research: The Logic of Anticipation. Polity Press, Cambridge.
- Bien, A. (2006). A Simple User's Guide to Certification for Sustainable Tourism and Ecotourism, 3rd Edition. Center for Ecotourism and Sustainable Development. Retrieved September 30, 2016, from http://www.responsibletravel.org/projects/documents/certification_handbooks/Handbook_1_Simple_users_guide_to_certification_final.pdf
- Brown, N.A. (1999). *A Guide to Teaching Participatory and Collaborative Approaches to Natural Resource Management*. St. Lucia, USA: Caribbean
- Melling, Joshua. (1988). Aspek Sosial Kebudayaan Dan Keagamaan Masyarakat Iban Di Sarawak dlm. Adat Resam Penduduk Sarawak, Kuching : Kerajaan Negeri Sarawak.
- Natural Resources Institute (CANARI). Available at: <http://www.canari.org/267guide.pdf>.
- Runciman, S. (1960). *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1840 to 1946*. London: Cambridge University Press.
- Sandin, B. (1964). *Raja Durong*. Kuching: Borneo Literature Bureau.

- Spiridon, P. (2013) Integrated scientific conservation: public access and the role of the conservator. International Workshop. Scientific, technological and innovative research in current European context – Vth Edition, 269-276. Available at: <http://www.eudirect.ro/euroinvent/cat/w2013.pdf>.
- Steck B. (1999) Sustainable Tourism as a Development Option. Practical Guide for Local Planners, Developers and Decision Makers, Washington D.S.
- Timothy, D. J., & Boyd, S. W. (2003). Heritage Tourism. Harlow: Prentice Hall.

Tesis

Chemaline, U. (2006). *Leka Main : Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Tentang Bentuk Dan Fungsi*. Puast Pengajian Ilmu Kemanusian. Universiti Sains Malaysia, Minden. Pulau Pinang. Tesis Ijazah Doktor Falsafah.

Sumber daripad Internet

Unit Perancangan Negeri Sarawak. (2018). *Sarawak facts and figures*. Sarawak: Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Menteri, Wisma Bapa Malaysia. Kuching: Gov't Printing Office. Available at: https://jkm.sarawak.gov.my/upload/file_folder/SPU/Sarawak%20Facts%20and%20Figures%202019%20-%20Pamphlet.pdf

Informan

1. Nicholl Ragai Anak Lang
2. Jimbun Anak Tawai (Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak)